

02/05/2002

Bersatulah wahai artis tempatan!

Akmal Abdullah

PERDANA Menteri kita sekembalinya dari lawatan di Maghribi, Libya dan Bahrain pada 22 April lalu ada membuat kenyataan bahawa Yahudi di Amerika Syarikat seramai enam juta orang mempunyai pengaruh kuat hingga boleh menentukan siapa yang akan menang dalam pilihan raya di negara itu.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga mendedahkan bagaimana orang Yahudi boleh bersatu teguh dan pandai melobi sehingga mampu mendapat sokongan Washington dalam isu Palestin, malahan mereka sangat berkuasa walaupun menerusi proses demokrasi.

Mesej Perdana Menteri jelas apabila beliau secara ironi mengatakan ketika orang Yahudi yang jumlahnya kecil boleh bersatu padu, tetapi 1.3 bilion umat Islam di seluruh dunia pula tidak pernah bersatu.

Pendedahan Dr Mahathir itu sangat penting dan bermakna. Ia wajar dijadikan peringatan untuk rakyat negara ini. Bulat air kerana pembentung bulat manusia kerana muafakat. Ada pihak mungkin jelak mendengar isu perpaduan tetapi sebenarnya ia wajib untuk membina dan mengekalkan keutuhan sesuatu bangsa, bukan untuk masa tertentu tetapi direalisasi sepanjang masa.

Saya tidak mahu kaitkan kenyataan Dr Mahathir itu dengan suasana politik dan rakyat pelbagai kaum di negara kita tetapi cuba menyentuhnya terhadap golongan artis, karyawan, seniman, penggiat muzik dan warga filem di negara ini. Anak seni seharusnya mengambil inspirasi atas kenyataan pemimpin kita itu.

Kelompok anak seni orang yang berpengaruh dalam masyarakat. Populariti dan nama mereka sering menjadi sebutan, malahan ada yang menjadi idola remaja. Ada artis dan bintang filem dianggap sebagai manusia istimewa kerana mereka mempunyai kelebihan iaitu bakat dan personaliti.

Kelebihan inilah yang harus dimanfaatkan anak seni kita supaya masyarakat menjadikan mereka sebagai contoh terbaik untuk diteladani, bukan saja kejayaan dari segi material dan glamor tetapi semangat bersatu sesama mereka untuk membuktikan selagi kita dalam satu genggam selagi itulah kita mampu berjaya.

Malangnya, hal itu tidak berlaku di kalangan artis kita. Tidak boleh dinafikan artis kita sering saja berbalah dan saling berpuak. Depan nampak manis tetapi di belakang sebenarnya busuk umpama bangkai. Ini realitinya dan kita sendiri boleh tahu jika kita berada dalam industri seni seperti mana wartawan hiburan.

Sikap tamak, iri hati, dengki, khianat, perut busuk dan suka memperlekeh orang lain adalah fenomena kritikal yang melanda artis kita masa ini. Ia bukan saja berlaku masa ini tetapi sudah berputik sejak zaman pop yeh-yeh dan era 50-an.

Persatuan yang diwujudkan tidak mampu menjadi medan terbaik membina kesatuan kukuh. Dulu, dalam Persatuan Artis Malaya (Persama) pada tahun 50-an, juga sudah ada perpecahan di kalangan artis, soal rebut jawatan memang lumrah, malahan pelakon filem di Malay Film Productions dan Cathay Keris juga tidak boleh duduk semeja dan bertemu kerana sebab tertentu.

Secara kasar mungkin tidak kelihatan tetapi ia berlaku secara senyap dan halus, berterusan hingga generasi artis zaman 2000. Malangnya kebanyakan mereka ini juga adalah di kalangan artis dan karyawan Melayu.

Lihat saja bersepanya persatuan artis yang ada sedangkan jumlah anak seni kita tidaklah seramai mana. Tidak salah berpersatuan, tetapi semangat untuk bersatu hendaklah dibangunkan dengan kejujuran yang tinggi. Antara

persatuan sendiri juga saling perli-memperli dan bidas-membidas, macamlah parti politik.

Hentikanlah kemelut dalam berpersatuan yang cuma disebabkan hendak berebut jawatan, hendak cari nama, ada kepentingan peribadi dan mahukan projek. Wujud sikap berpuak-puak ini menjadikan industri seni kita sangat memalukan. Artis, orang persatuan hiburan dan warga filem kita masih dengan assabiyah mereka. Mereka berpegang pada slogan: "ini orang aku, itu orang dia... lantaklah!".

Selagi artis kita tidak berubah sikap dan mentaliti serta ikhlas selagi itulah industri muzik dan filem kita akan terus kusam dan tidak bermaya sebab kita tidak jujur. Lihatlah perpaduan di kalangan karyawan dan artis Hollywood dan Bollywood hingga mereka membina industri filem dan muzik yang cukup hebat.

Jika kita tidak berubah, maka selagi itulah artis kita sekadar berimejkan badut yang sensasi semata-mata - meriah di depan langsir, goyah di belakang tabir.

Alang-alang berpersatuan, biarlah sampai maksud dan tujuan!

(END)